Laluan bas hidrogen ditukar semasa Regata Sarawak


KUCHING: Laluan bagi perkhidmatan bas hidrogen akan ditukar buat sementara waktu berikutan penutupan beberapa jalan sempena Regata Sarawak-Festival Tebingan Kuching di sini.

Sarawak Metro dalam kenyataan memberitahu, perubahan laluan sementara itu berkuat kuasa dari 28 Oktober hingga 6 November tahun ini.

Menurutnya, dalam tempoh tersebut perkhidmatan bas percuma akan bermula di perhentian bas di Jalan Ban Hock berhampiran Hotel Grand Continental serta kedua-dua laluan iaitu lingkaran Warisan Pusat Bandar dan lingkaran Damai.

"Bagi lingkaran Warisan Pusat Bandar, bas tersebut tidak akan melalui pusat bandar sebaliknya akan menggunakan Jalan Park, Jalan Taman Budaya dan Jalan Badruddin sebelum meneruskan ke laluan biasa," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, bagi lingkaran Damai, perkhidmatan akan bermula di perhentian bas di Jalan Ban Hock dan bergerak ke arah Jalan Park, Jalan Taman Budaya, Jalan Badruddin dan Jalan Satok sebelum ke laluan Damai Central.



LALUAN: Laluan dan maklumat operasi bas hidrogen semasa Regata Sarawak-Festival Tebingan Kuching.

"Bagaimanapun, jadual bas operasi bas masih kekal iaitu bermula dari jam 7.30 pagi setiap hari untuk lingkaran Warisan Pusat Bandar.

"Manakala untuk lingkaran Damai, perkhidmatan bas tersebut bermula jam 8.00 pagi untuk hari Sabtu dan Ahad," katanya.

Jelasnya lagi, butiran mengenai laluan sementara boleh didapati di laman web Sarawak Metro Sdn Bhd (Sarawak Metro) www.mysarawakmetro.com dan aplikasi mudah alih 'H2